

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.35 (6)
Tarikh : 23 Mac 2016

**Ketua Pengarang
Berita Harian**

Tuan,

MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR BERITA HARIAN BERTAJUK "WANITA MOHON BANTUAN UJIAN DNA SAHKAN DUA BERADIK ANAK KANDUNG" BERTARIKH 18 MAC 2016, JUMAAT – M.S: 20 (BH2)

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Puan Nor Syuhada Naina Mohamad berkaitan dua orang anak kandung beliau yang tiada dokumen pengenalan diri.

3. Ingin dimaklumkan, JPN hanya mendaftarkan kelahiran yang berlaku di Malaysia berdasarkan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan – Peruntukan Khas) 1975 (Akta 152) & Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299). Sekiranya Puan Nor Syuhada Naina Mohamad ingin mengesahkan kelayakan beliau terhadap dua orang kanak-kanak tersebut, beliau perlu terlebih dahulu menguruskan dokumen asal kelahiran di negara kelahiran berlaku.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' Sri KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)